

PETIKAN AKHBAR

Masa yang tepat kembalikan inisiatif bantu rakyat, perniagaan – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 27 JUN 2021



KUALA LUMPUR, 27 Jun – Kerajaan akan melaksanakan semula inisiatif membantu rakyat dan perniagaan yang pernah diperkenalkan sebelum ini susulan hadirnya Pelan Pemulihan Negara (PPN), kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Beliau berkata kerajaan tidak pernah berhenti daripada membantu rakyat dan sentiasa berusaha memikirkan penyelesaian bersama.

“Dengan hadirnya PPN, inilah masa yang tepat untuk kita kembalikan inisiatif sebegini (seperti sebelum ini) bagi membantu rakyat dan perniagaan,” katanya menerusi catatan di laman rasmi Facebook beliau pada Ahad.

Beliau berkata perbincangannya dengan pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Bank Negara Malaysia telah diadakan minggu ini.

“Teringat kembali peristiwa tahun lalu, bila kerajaan ini pertama sekali dalam sejarah memperkenalkan i-Lestari, i-Sinar dan moratorium automatik untuk membantu rakyat hadapi cabaran COVID-19.

English     

Iengku Zafrul berkata namun selepas itu ada dalam kalangan mereka yang sedar kesan positif pada rakyat dan mula menyokong program tersebut.

“Alhamdulillah mereka sedar,” katanya.

i-Sinar merupakan kemudahan pengeluaran dari Akaun 1 untuk ahli KWSP yang terjejas dalam tempoh krisis COVID-19 bagi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup.

i-Lestari pula merupakan satu program KWSP bagi pengeluaran dari Akaun 2.

Moratorium adalah penangguhan rasmi bayaran ansuran bulanan daripada pembayar kepada pihak bank.

[Bernama](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK I](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)[BUDGET 2022](#)